

SIARAN MEDIA

KPKT PERUNTUK RM69.3 JUTA UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT NEGERI TERENGGANU

KUALA TERENGGANU, 30 September 2023 – YB Tuan Haji Akmal Nasrullah Bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah mengadakan satu lawatan kerja sempena Program Sentuhan Kasih KPKT ke Kuala Terengganu pada petang ini.

YB Timbalan Menteri KPKT telah turun padang melakukan lawatan ke **Bengkel Pembuatan MyKiosk** di Kampung Padang Paloh, Kuala Terengganu. Beliau turut meninjau tahap kemajuan infrastruktur pembinaan **sistem perparitan berhampiran Perumahan Kastam ke Sekolah Kebangsaan Seri Budiman dan Pasar Payang** di Kuala Terengganu.

Dalam rangka lawatan tersebut, beliau telah mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak RM500,000 melibatkan sepuluh (10) kerja-kerja menaik taraf jalan yang akan dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Untuk makluman sehingga 30 September 2023, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meluluskan sebanyak RM28.2 juta kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh Terengganu untuk kerja-kerja melibatkan baikpulih infrastruktur awam, perparitan, kolam takungan, mykiosk dan cerun.

Peruntukan kerajaan sebanyak RM69.3 juta bagi Projek Pembangunan Semula Kompleks Pasar Payang merupakan salah satu usaha dalam menyediakan persekitaran yang lebih kondusif dan selesa bagi para peniaga dan pengunjung. Kompleks yang bakal beroperasi sepenuhnya pada bulan November 2023 ini juga akan meningkatkan ekonomi setempat selain menjadi salah satu tarikan destinasi pelancongan di Kuala Terengganu.

Menurut YB Akmal, “Kerajaan Persekutuan yakin ‘sentuhan kasih KPKT’ yang telah diberikan adalah berdasarkan keperluan menerusi inisiatif KPKT dalam memastikan keselesaan dan kesejahteraan rakyat di kawasan Kuala Terengganu terus terpelihara.”

Turut hadir semasa rangka lawatan kerja ialah YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Persekitaran Mampan) KPKT; YBrs. Ar. Zuhairi Bin Manaf Timbalan Ketua Pengarah (Perundingan dan Perundangan) Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT; Tuan Haji Rosli Bin Latif, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu serta Pengurusan Tertinggi KPKT dan ketua jabatan peringkat negeri dan daerah.

KPKT akan terus memfokuskan kepada pelbagai usaha dan inisiatif yang dilaksanakan secara bersepadu dan inklusif bagi merealisasikan perancangan pembangunan yang mampan demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

